

Transkrip sidang media Setiausaha Negara Rice di Singapura, 24 Julai 2008

Sidang Media

Setiausaha Negara Condoleezza Rice

Singapura

24 Julai 2008

SOALAN: Saya dari Malaysia, dan saya harap (tidak dapat didengar), saya menyokong hubungan ini, (tidak dapat didengar) merasakan bahawa pihak A.S. telah mencampurkan tangan dengan kes jenayah domestik -- daripada Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim. Pihak Washington dilihat (tidak dapat didengar) kenyataan terhadap kes tersebut. Bagi kami, di Malaysia -- ianya hanya suatu kes jenayah domestik.

SETIAUSAHA NEGARA RICE: Memang sejak sekian lama AS memperjuangkan perkara itu dan akan terus bercakap tentang kes yang difikir perlu diperkatakan dari segi keadaan politik. Kami sentiasa akan bercakap tentang kes-kes berkaitan hak asasi manusia dan politik. Namun, ini akan dilakukan dalam semangat menghormati Malaysia, dan -- AS tidak menganggap ini sebagai halangan, hanya kerana ia berupa hal ehwal dalaman, lebih-lebih lagi yang membabitkan kes seumpama ini, tetapi kami akan terus bekerjasama dengan Malaysia. Saya akan menemui rakan sejawat saya dari Malaysia sekejap lagi.

SOALAN: Tetapi Saudara Anwar sedang melalui segala proses perundangan tempatan.

SETIAUSAHA NEGARA RICE: Dan kami akan lihat -- salah satu perkara yang kami telah perkatakan ialah, kami hendak melihat ketelusan dan -- kedaulatan undang-undang dipelihara sepenuhnya di sini, dan negara-negara perlu memastikan tahap keyakinan yang selesa dalam sistem antarabangsa dan memastikan sistem mereka -- sistem kehakiman mereka sebenarnya responsif terhadap kedaulatan undang-undang dan telus serta adil. Itu telah menjadi (tidak dapat didengar).

SOALAN: Tetapi perlu diingat bahawa -- pihak polis kami dan pihak --

SETIAUSAHA NEGARA RICE: Saya rasa saya sudahpun menjawab soalan saudara.

SOALAN: Sebilangan besar daripada mereka telah dilatih oleh pihak Amerika Syarikat dan British.

SETIAUSAHA NEGARA RICE: Ya, ya.

SOALAN: (tidak dapat didengar).

SETIAUSAHA NEGARA RICE: Tidak, tidak -- tetapi pelaksanaan kedaulatan undang-undang secara saksama amatlah penting.

SOALAN: Terima kasih.

SETIAUSAHA NEGARA RICE: Mm-hmm.

(Petikan daripada transkrip [sidang media](#) Setiausaha Negara Rice di Singapura, 24 Julai 2008)